

## HUBUNGAN PERSEPSI ORANG KURANG UPAYA DAN MASYARAKAT DI INSTITUSI MASJID

Norsaadah bt Din @ Mohamad Nasirudin<sup>1</sup>

Hasliza bt Talib<sup>2</sup>

Siti Zaleha bt Ibrahim<sup>3</sup>

Sri Andayani Mahdi Yusuf<sup>4</sup>

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan persepsi Orang Kurang Upaya-Fizikal, Pendengaran dan Penglihatan (OKU-FPP) di institusi masjid. Seramai 328 responden yang terdiri daripada OKU-FPP dijadikan responden kajian. Kajian ini dijalankan di sekitar Lembah Kelang dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Selain itu kajian ini juga menggunakan kaedah tembual dan tinjauan semasa atau cross-sectional survey iaitu data dipungut sekali sahaja daripada satu sampel pada suatu masa (Creswel 2008). Pemerolehan data dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sesuai dengan masa yang ditentukan oleh pengkaji (Creswell 2012). Hasil kajian ini kami mendapati pelbagai isu dan masalah yang berlaku dari persepsi OKU-FPP di institusi masjid. Oleh itu pada kesimpulan kajian terdapat beberapa cadangan yang boleh diimplmentasikan oleh masyarakat di institusi masjid sebagai rumah ibadah bagi semua mukallaf demi kesejahteraan , keharmonian agama dan negara.*

**Kata Kunci :** Hubungan, Persepsi, Orang Kurang Upaya, Institusi masjid

### PENDAHULUAN

Malaysia mula memandang serius terhadap golongan orang kurang upaya pada tahun 2008 apabila sebuah akta telah dibentuk dalam Undang-Undang Malaysia khusus untuk golongan ini. Ia dikenali sebagai Akta Orang Kurang Upaya 2008. Akta ini dibentuk untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, penubuhan Majlis Kebangsaan

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,Pusat Pengajian Teras,KUIS.email : norsaadah@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,Pusat Pengajian Teras,KUIS email:hasliza@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,Pusat Pengajian Teras,KUIS.email: sitizaleha@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Pembantu Penyelidik, Calon PhD UKM

bagi orang kurang upaya, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Menurut perangkaan penduduk di Malaysia 2016 adalah seramai 30.26 juta. Statistik OKU pula yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) hingga 31 Mac 2017 adalah seramai 420,201 orang. Negeri yang mencatatkan bilanganOKU berdaftar tertinggi adalah Negeri Selangor (65,612 orang).(JKM 2017)

Walaupun bilangan OKU adalah tipikal namun hari ini masyarakat semakin sedar dan prihatin terhadap golongan orang Kurang upaya (OKU). Keprihatinan tersebut jelas nampak apabila kerajaan dan agensi swasta turut menyediakan pelbagai kemudahan kepada golongan OKU seperti ketika berada di tempat-tempat awam. Kemudahan ini meliputi kemudahan dari segi pendidikan dengan memberi elaun belajar, pengecualian bayaran rawatan perubatan di hospital kerajaan, pengecualian cukai pendapatan, pengecualian cukai jalan, kemudahan atas seperti tandas khas, jalan khas dan sebagainya tertakluk kepada syarat yang tertentu (Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008).

### **Definisi Golongan OKU**

Orang Kurang Upaya (OKU) didefinisikan sebagai "seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat".(Akta Kurang Upaya 2008)

Kecacatan merupakan dugaan daripada Allah SWT kepada manusia untuk menunjukkan kekuasaan Allah SWT. Kecacatan yang dijadikan oleh Allah SWT adalah seperti kecacatan anggota badan, akal dan sebagainya (Mustafa Haji Daud 1997). Bagi manusia bertakwa kecacatan seperti ini akan menjadikan manusia insaf, meningkatkan amal ibadah dan menjauhi segala larangannya. Menurut Mustafa Haji Daud (1997) terdapat dua jenis kecacatan iaitu kecacatan semula jadi dan kecacatan yang mendatang. Kecacatan semula jadi mempunyai pelbagai bentuk seperti tiada salah satu anggota badan sejak dilahirkan atau anggota badan yang tidak sempurna. Kecacatan mendatang pula ialah kecacatan akibat kemalangan atau selepas kelahiran sebagai manusia normal. Menurut Abdul Munir et al (2015), OKU boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya anggota dan kurang upaya akal.

## Kategori Kumpulan OKU

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya (OKU) kepada tujuh kategori. Namun kertas kerja ini hanya akan memberi penekanan kepada orang kurang upaya dari sudut OKU fizikal, penglihatan dan pendengaran sahaja (OKU-FPP).

1. Kurang upaya fizikal iaitu seseorang yang mengalami ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan fungsi atau tidak mempunyai satu anggota di mana-mana bahagian anggota badan termasuklah keadaan anggota yang tidak sempurna yang mana keadaan ini menjelaskan keupayaannya. Kategori ini termasuklah kerdil, kudung tangan atau kaki atau keduanya, kudung ibu jari tangan, lumpuh, *spina bifida*, *musculor dystropyn* dan *cerebral palsy*. Bagi kekurangan (*impairment*) yang tidak menjelaskan fungsi seperti kudung satu jari, mempunyai 6 jari atau lebih dan tidak ada atau kurang sempurna cuping telinga tidak dikategorikan sebagai kurang upaya fizikal.
2. Kurang upaya penglihatan iaitu individu yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad sama ada di sebelah atau di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. OKU penglihatan terbahagi kepada dua iaitu:
  - a) Buta (*blind*) iaitu penglihatan kurang dari pada 3/60 pada mata yang lebih baik walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang daripada 10 darjah daripada fixation
  - b) Penglihatan terhad (*low vision/partially sighted*) iaitu penglihatan lebih teruk daripada 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang daripada 20 darjah daripada fixation.
3. Kurang upaya pendengaran iaitu individu yang tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Terdapat empat tahap yang boleh dikategorikan sebagai OKU pendengaran iaitu:
  - a) Minima (*Mild*) - (20 - < 30 dB) (untuk orang dewasa)
  - b) Sederhana (*Moderate*) - (30 - < 60 dB)
  - c) Teruk (*Severe*) - (60 - < 90 dB)
  - d) Sangat Teruk (*Profound*) - (> 90 dB)

Keadaan-keadaan ini menyebabkan golongan OKU mengalami kesulitan ketika berinteraksi dengan orang awam. Begitu juga ketika menggunakan kemudahan awam seperti semasa berada di institusi masjid. Golongan ini perlu dibantu dan disantuni bagi memudahkan urusan mereka dalam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai muslim.

### **Persepsi Masyarakat Terhadap Golongan OKU**

Kekurangan upaya bukan sahaja dilihat dari kesan kecacatan fizikal mahupun mental, sebaliknya adalah berpunca daripada sikap dan persekitaran yang menghalang penyertaan penuh dan efektif mereka secara saksama di dalam masyarakat (Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2008). Walhal, kebebasan hidup setiap individu telah dijamin oleh Allah SWT seperti kebebasan dalam berfikir, bersuara, bercakap dan sebagainya (Mustafa Haji Daud 1997). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT al-An'am/6 : 165 bermaksud:

Maksudnya: “*Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjah, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*” (Surah al-An'am: 6: 165)

Namun masih terdapat segelintir masyarakat memandang negatif terhadap golongan orang kurang upaya (OKU). Persepsi ini menyukarkan mereka untuk mengambil bahagian di dalam masyarakat (Hasnah Toran et al 2010). Perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku dan masyarakat perlu sedar dan menerima mereka dengan memberikan bantuan dan perhatian yang sewajarnya.

Pengetahuan kepada golongan orang kurang upaya adalah penting bagi mengurangkan *stereotaip* yang negatif masyarakat mengenai OKU. Hal ini bersesuaian dengan pandangan yang menyatakan bahawa semakin banyak maklumat yang diperolehi oleh masyarakat terhadap OKU maka akan semakin positif sikap mereka terhadap OKU (Katz, Haz & Bailey, 1988). Sikap positif terhadap OKU membawa masyarakat untuk menerima golongan OKU secara baik. Penglibatan masyarakat dengan golongan OKU dalam ses sebuah aktiviti dapat mengeratkan hubungan dan melahirkan sikap prihatin kepada golongan ini. Kekurangan pengetahuan dan sikap ambil peduli kepada golongan OKU menyukarkan kehidupan mereka untuk berjaya dalam kalangan masyarakat.

## METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian yang dilakukan adalah berbentuk kajian kepustakaan, temubual terpilih dan soal selidik melibatkan pengumpulan maklumat. Kajian ini antaranya adalah bertujuan untuk mengenal pasti keprihatinan masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) di masjid.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Selain itu kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan semasa atau *cross-sectional survey* iaitu data dipungut sekali sahaja daripada satu sampel pada suatu masa (Creswel 2008). Pemerolehan data dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sesuai dengan masa yang ditentukan oleh pengkaji (Creswell 2012).

Kajian ini dilakukan di Lembah Klang yang merangkumi Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Pemilihan ini berdasarkan kepada keperluan kajian kerana kedudukan lokasi penumpuan pusat-pusat latihan OKU banyak tertumpu di Lembah Klang seperti Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) di Puchong Selangor, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) di Bangi dan sebagainya.

Proses penganalisan data-data kuantitatif dilakukan melalui analisis berkomputer menggunakan perisian SPSS versi 22.0 dengan menggunakan jenis statistik deskriptif. Item-item yang berbentuk negatif akan dikodkan semula (recode) bagi memberikan gambaran sebenar semasa analisis data dilakukan.

## DAPATAN KAJIAN PERSEPSI MASYARAKAT DAN GOLONGAN OKU TERHADAP KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK OKU DI INSTITUSI MASJID

Bil	Item	Kekerapan & peratus (N=328)					Min	SP	INT
		STS	TS	KKS	S	SS			
B1	Saya menganggap institusi masjid di kawasan kediaman	29 (8.8%)	48 (14.6%)	62 (18.9%)	99 (30.2%)	90 (27.4%)	3.53	1.275	ST

	saya adalah mesra untuk semua orang termasuk OKU.								
B2	Saya menganggap institusi masjid di kediaman saya hanya untuk orang yang berupaya dan sihat sahaja.	95 (29.0%)	75 (22.9%)	56 (17.1%)	60 (18.3%)	42 (12.8%)	3.37	1.397	ST
B3	Saya merasakan banyak kemudahan yang disediakan kepada OKU di masjid kediaman saya.	22 (6.7%)	67 (20.4%)	107 (32.6%)	83 (25.3%)	49 (14.9%)	3.21	1.132	ST
B4	Saya mendapati terdapat tempat meletak kenderaan OKU disediakan di masjid	28 (8.5%)	54 (16.5%)	65 (19.8%)	92 (28.0%)	89 (27.1%)	3.49	1.280	ST

	kediaman saya.				
B5	Tempat wuduk yang sesuai disediakan untuk OKU	25 (7.6%) 63 (19.2%) 79 (24.1%) 78 (23.8%) 83 (25.3%)	3.40	1.262	ST
B6	Ruang solat adalah sesuai dan boleh diakses dengan mudah oleh OKU	17 (5.2%) 57 (17.4%) 86 (26.2%) 92 (28.0%) 76 (23.2%)	3.47	1.173	ST
B7	Tandas yang mesra OKU turut disediakan	32 (9.8%) 51 (15.5%) 79 (24.1%) 82 (25.0%) 84 (25.6%)	3.41	1.287	ST
B8	Skrin televisyen dan sari kata disediakan untuk OKU pendengaran mengikuti khutbah Jumaat.	65 (19.8%) 72 (22.0%) 65 (19.8%) 65 (19.8%) 61 (18.6%)	2.95	1.399	SR
B9	Saya mendapati pengisian di masjid sesuai untuk semua golongan termasuk OKU.	20 (6.1%) 49 (14.9%) 93 (28.4%) 95 (29.0%) 71 (21.6%)	3.45	1.162	ST

B10	Jemaah masjid sangat menyantuni golongan OKU.	12 (3.7%)	40 (12.2%)	82 (25.0%)	125 (38.1%)	69 (21.0%)	3.61	1.061	ST
	<i>Jumlah min keseluruhan</i>						3.39	.800	ST

*Jadual 1.1 Persepsi masyarakat dan golongan OKU terhadap kemudahan yang disediakan untuk OKU di institusi masjid. (Sumber: Kajian Lapangan, 2018)*

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa jumlah min keseluruhan bagi konstruk “Persepsi masyarakat dan golongan OKU terhadap kemudahan yang disediakan untuk OKU di institusi masjid” memperolehi nilai min 3.39 iaitu pada tahap sederhana tinggi.

Item yang menunjukkan jumlah min yang tertinggi ialah item B10 iaitu memperolehi nilai min 3.61. Item B10 “Jemaah masjid sangat menyantuni golongan OKU”. Ini menunjukkan seramai 125 orang (38.1%) menyatakan bersetuju jemaah masjid sangat menyantuni golongan OKU.

Item B1 “Saya menganggap institusi masjid di kawasan kediaman saya adalah mesra untuk semua orang termasuk OKU.” Item ini memperolehi nilai min 3.53 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi, menunjukkan seramai 99 orang (30.2%) bersetuju dan seramai 90 orang (27.4%) menyatakan sangat setuju bahawa institusi masjid di kediaman mereka mesra untuk semua orang termasuk OKU. Akan tetapi agak ramai juga yang menyatakan kawasan kediaman mereka tidak mesra kepada semua orang termasuk OKU, ini dapat dilihat dari jawapan responden yang menyatakan seramai 29 orang (8.8%) sangat tidak setuju, seramai 48 orang (14.6%) tidak setuju dan seramai 60 orang (18.9%) menyatakan tidak pasti.

Seterusnya, item B4 “Saya mendapat terdapat tempat meletak kenderaan OKU disediakan di masjid kediaman saya.” memperolehi nilai min 3.49 iaitu tahap sederhana tinggi, menunjukkan seramai 92 orang (28.0%) bersetuju bahawa di masjid kediaman saya terdapat tempat meletak kenderaan untuk OKU.

Item B6 “Ruang solat adalah sesuai dan boleh diakses dengan mudah oleh OKU” Memperolehi nilai min 3.47 iaitu sederhana tinggi. Ini menunjukkan seramai 92 orang (28.0%) bersetuju bahawa ruang solat di masjid sesuai dan boleh di akses dengan

mudah oleh OKU. Akan tetapi agak ramai juga yang menyatakan ruang solat tidak sesuai dan sukar diakses oleh OKU, ini dibuktikan oleh jawapan responden menyatakan bahawa seramai 17 orang (5.2%) sangat tidak setuju, 57 orang (17.4%) tidak setuju dan seramai 86 orang (26.2%) tidak pasti.

Seterusnya item B9 “Saya mendapati pengisian di masjid sesuai untuk semua golongan termasuk OKU” Memperolehi nilai min 3.45 iaitu sederhana tinggi, menunjukkan seramai 95 orang (29.0%) bersetuju bahawa pengisian di masjid sesuai untuk semua golongan termasuk OKU.

Item B7 “Tandas yang mesra OKU turut disediakan” memperolehi nilai min 3.41 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa seramai 84 orang (25.6%) menyatakan sangat setuju bahawa tandas mesra OKU disediakan di masjid-masjid atau surau-surau.

Item B5 “Tempat wudhuk yang sesuai disediakan untuk OKU” memperolehi nilai min 3.40 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa seramai 83 orang responden (25.3%) menyatakan tempat wudhuk sangat sesuai untuk OKU. Akan tetapi agak ramai juga menyatakan bahawa tempat wudhuk kurang sesuai untuk kemudahan OKU, ini dinyatakan oleh responden kajian meunjukkan seramai 25 orang (7.6%) sangat tidak setuju, seramai 63 orang (19.2%) tidak setuju dan seramai 79 orang (24.1%) kadang-kadang setuju

Seterusnya item B2 “Saya menganggap institusi masjid di kediaman saya hanya untuk orang yang berupaya dan sihat sahaja” memperolehi nilai min 3.37 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa seramai 95 orang (29.0%) menyatakan sangat tidak setuju bahawa institusi masjid di kediaman saya hanya untuk orang yang berupaya dan sihat sahaja.

Item B3 “Saya merasakan banyak kemudahan yang disediakan kepada OKU di masjid kediaman saya” memperolehi nilai min 3.21 berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa seramai 107 orang (32.6%) menyatakan kadang-kadang banyak kemudahan yang disediakan kepada OKU di masjid kediaman saya.

Akhir sekali item B8 “Skrin televisyen dan sari kata disediakan untuk OKU pendengaran mengikuti khutbah Jumaat” memperolehi nilai min 2.95 iaitu sederhana rendah. Seramai 72 orang (22.0%) menyatakan tidak terdapat skrin televisyen dan sari kata disediakan untuk OKU pendengaran mengikuti khutbah Jumaat. Ini menunjukkan

keperluan kepada masjid untuk menyediakan skrin televisyen serta menyediakan sari kata kepada para jemaah jumaat khususnya kepada OKU pendengaran.

## DAPATAN KAJIAN LAYANAN YANG DITERIMA OLEH OKU DI MASJID

Bil	Item	Kekerapan & peratus (N=161)					Min	SP	INT
		STS	TS	KKS	S	SS			
C1	Layanan yang diterima daripada AJK masjid adalah baik.	13 (8.1%)	31 (19.3%)	33 (20.5%)	38 (23.6%)	46 (28.6%)	3.45	1.304	ST
C2	Saya menerima layanan yang baik dari sudut komunikasi yang berhemah.	12 (7.5%)	26 (16.1%)	36 (22.4%)	55 (34.2%)	32 (19.9%)	3.43	1.192	ST
C3	Saya menerima layanan yang baik dari sudut pertolongan seperti menuntun saya ke dalam masjid dan menyimpan kerusi roda di tempat yang selamat.	11 (6.8%)	26 (16.1%)	31 (19.3%)	57 (35.4%)	36 (22.4%)	3.50	1.200	ST

C4	Pihak masjid menyediakan juru bahasa isyarat ketika pengisian kuliah atau ceramah disampaikan.	34 (21.1%)    22 (13.7%)    40 (24.8%)    34 (21.1%)    31 (19.3%)	3.04	1.405	ST
C5	Saya selalu disapa oleh jemaah masjid.	13 (8.1%)    36 (22.4%)    38 (23.6%)    44 (27.3%)    30 (18.6%)	3.26	1.227	ST
C6	Tongkat saya tidak dialih sesuka hati oleh orang lain semasa di masjid.	22 (13.7%)    32 (19.9%)    46 (28.6%)    44 (27.3%)    17 (10.6%)	3.01	1.204	ST
C7	Selipar disusun dengan baik diperkarangan masjid bagi memudahkan OKU fizikal bergerak.	19 (11.8%)    35 (21.7%)    37 (23.0%)    34 (21.1%)    36 (22.4%)	3.21	1.328	ST
C8	Saya sukar untuk ke masjid kerana tiada kemudahan yang disediakan kepada OKU.	13 (8.1%)    39 (24.2%)    37 (23.0%)    46 (28.6%)    26 (16.1%)	3.21	1.210	ST
C9	Saya sukar ke masjid kerana rasa tersisih.	20 (12.4%)    25 (15.5%)    32 (19.9%)    44 (27.3%)    40 (24.8%)	3.37	1.340	ST

<i>Jumlah min keseluruhan</i>	3.27	.645	ST
-------------------------------	------	------	----

*Jadual 1.2: Layanan yang diterima oleh OKU di masjid.* (Sumber: Kajian Lapangan, 2018)

Dapatkan kajian menunjukkan min keseluruhan daripada konstruk “Layanan yang diterima oleh OKU di masjid” menunjukkan nilai min 3.27 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Item C3 “Saya menerima layanan yang baik dari sudut pertolongan seperti menuntun saya ke dalam masjid dan menyimpan kerusi roda di tempat yang selamat” mendapat nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.50 adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan seramai 57 orang (35.4%) bersetuju bahawa golongan OKU menerima layanan yang baik dari sudut pertolongan seperti menuntun mereka ke dalam masjid dan menyimpan kerusi roda di tempat yang selamat.

Item C1 “Layanan yang diterima daripada AJK masjid adalah baik” memperolehi nilai min 3.45 iaitu tahap sederhana tinggi, ini menunjukkan seramai 46 orang (28.6%) menyatakan golongan OKU menerima layanan yang sangat baik daripada AJK masjid.

Seterusnya item C2 “Saya menerima layanan yang baik dari sudut komunikasi yang berhemah” memperolehi nilai min 3.43 iaitu tahap sederhana tinggi, menunjukkan seramai 55 orang (34.2%) bersetuju bahawa golongan OKU menerima layanan yang baik dari sudut komunikasi yang berhemah.

Item C9 “Saya sukar ke masjid kerana rasa tersisih” memperolehi nilai min 3.37 iaitu sederhana tinggi. Ini menunjukkan seramai 44 orang (27.3%) menyatakan setuju dan 40 orang (24.8%) menyatakan sangat setuju bahawa mereka sukar ke masjid kerana rasa tersisih.

Seterusnya item C5 “Saya selalu disapa oleh jemaah masjid” memperolehi nilai min 3.26 iaitu sederhana tinggi, menunjukkan seramai 44 orang (27.3%) selalu disapa oleh jemaah masjid.

Item C7 dan item C8 mempunyai nilai min yang sama banyak iaitu 3.21 berada pada tahap sederhana tinggi. Item C7 “Selipar disusun dengan baik diperkarangan masjid bagi memudahkan OKU fizikal bergerak” menunjukkan seramai 36 orang (22.4%) menyatakan selipar disusun dengan baik diperkarangan masjid bagi memudahkan

OKU fizikal bergerak. Akan tetapi agak ramai juga yang menyatakan selipar tidak disusun dengan baik di perkarangan masjid sehingga menyukarkan OKU fizikal dengan taburan jawapan responden seramai 19 orang (11.8%) sangat tidak setuju, seramai 35 orang (21.7%) tidak setuju dan seramai 37 orang (23.0%) menyatakan kadang-kadang di susun. Item C8 pula “Saya sukar untuk ke masjid kerana tiada kemudahan yang disediakan kepada OKU menunjukkan seramai 46 orang (28.6%) golongan OKU sukar untuk ke masjid kerana tiada kemudahan yang disediakan kepada OKU.

Seterusnya item C4 “Pihak masjid menyediakan juru bahasa isyarat ketika pengisian kuliah atau ceramah disampaikan” memperolehi nilai min 3.04 iaitu sederhana tinggi. Seramai 34 orang (21.1%) menyatakan setuju dan seramai 31 orang (19.3%) sangat setuju bahawa pihak masjid menyediakan juru bahasa isyarat ketika pengisian kuliah atau ceramah yang disampaikan.

Akhir sekali item C6 “Tongkat saya tidak dialih sesuka hati oleh orang lain semasa di masjid” memperolehi nilai min 3.01 ialah berada pada tahap sederhana tinggi. Menunjukkan bahawa seramai 44 orang (28.6%) bersetuju tongkat mereka tidak dialih sesuka hati oleh orang lain semasa di masjid.

## **ANALISIS DAPATAN BERBENTUK KUALITATIF**

### **Cara-cara layanan kepada OKU**

Dapatkan kajian mendapat bahawa pada asasnya masyarakat memberi layanan yang baik kepada golongan OKU terutamanya ketika berada di masjid. Layanan perlu diberikan kepada golongan OKU dengan cara seperti berikut:

1. *Komunikasi yang berhemah*

Komunikasi yang baik perlu diberikan secara berhemah terutamanya semasa OKU berada di masjid.

2. *Memberi pertolongan dan peka kepada kehadiran OKU di masjid.*

OKU juga perlu menerima layanan yang baik dari sudut pertolongan seperti menuntun OKU ke dalam masjid dan menyimpan kerusi roda di tempat yang selamat. Bagi OKU buta mereka perlu dituntun untuk menggunakan segala keperluan untuk menunaikan solat di masjid. Cara memberi layanan bukan hanya terbatas kepada aspek luaran sahaja namun layanan juga dapat diberikan dari segi bantuan kewangan.

Peserta kajian menyatakan bahawa bantuan perlu diberikan kepada OKU yang memerlukan.

*“Jangan stop di sini saja, kalau ustazah nak bagi bantuan ke nak tolong anak yatim yang susah terhiba saya”*

(Temu Bual Puan Hamidah NGO Pusat Latihan  
OKU Brieckfields, Kuala Lumpur: 84-85)

3. *Juru bahasa isyarat lelaki bagi khutbah Jumaat*

Pihak masjid perlu menyediakan juru bahasa isyarat ketika pengisian kuliah atau ceramah disampaikan terutamanya semasa khutbah solat Jumaat. Perkara ini amat penting bagi memenuhi kehendak dan keperluan OKU dalam memahami ilmu yang disampaikan. Pengisian ceramah boleh diterima apabila penyampai mengetahui keperluan penerima ilmu memahami bahasa dalam berkomunikasi.

4. *Sapaan yang baik*

Terdapat masyarakat yang mengejek jemaah OKU yang datang ke masjid untuk beribadah. Perkara ini menyebabkan OKU rendah hati dan tidak selesa untuk datang ke masjid. Seharusnya sebagai manusia bukan OKU bersyukur kerana dianugerahkan Allah dengan segala kesempurnaan. Tanda syukur ini dapat dizahirkan dengan memberikan OKU haknya tersendiri sebagai hamba Allah yang lemah yang perlu kepada pertolongan manusia.

5. *Menyusun selipar*

Menyusun selipar OKU merupakan satu amalan yang memberikan kemudahan kepada golongan OKU penglihatan dan fizikal. Apabila hal ini dilakukan maka akan memudahkan perjalanan mereka untuk mencapai tempat yang dituju.

Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa layanan yang diterima oleh golongan OKU di masjid-masjid adalah berbeza antara satu dengan masjid yang lain. Hal ini bergantung kepada kemudahan yang disediakan di masjid dan kemudahan pengangkutan yang membawa golongan OKU untuk datang ke masjid berkenaan. Seperti contoh masjid Jamik (nyatakan nama penuh masjid) mudah dan senang untuk dilawati.

### **Persepsi Masyarakat Terhadap Golongan OKU**

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa persepsi masyarakat terhadap golongan OKU berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan masyarakat masih perlu memahami keperluan dan bentuk layanan yang memenuhi keperluan golongan OKU di masjid. Hasil kajian menunjukkan bahawa fasiliti OKU yang terdapat di setiap masjid masih berada dalam tahap kekurangan dan keprihatinan masyarakat terhadap golongan OKU juga masih sederhana tinggi. Oleh demikian masjid perlu meningkatkan lagi fasiliti untuk OKU dan masyarakat perlu menunjukkan rasa kemesraan dengan OKU sama seperti orang biasa.

### **Layanan Yang Diterima OKU di Masjid**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa golongan OKU telah menerima layanan yang agak memuaskan daripada masjid di kawasan kediaman mereka. Layanan tersebut seperti tersedianya kemudahan kepada OKU fizikal di masjid-masjid contohnya masjid menyediakan tandas khas, laluan khas, lif ke tempat wuduk dan sebagainya. Namun, kemudahan-kemudahan tersebut lebih sesuai kepada OKU fizikal sahaja manakala OKU pekak masih kurang disediakan kemudahan. Kemudahan-kemudahan ini akan memberikan manfaat kepada OKU untuk beribadah ke masjid. Dengan adanya keprihatinan ini golongan OKU tidak merasa mereka disisih atau dipinggirkan.

## **CADANGAN KAJIAN**

Beberapa cadangan yang boleh ditambahbaik adalah seperti berikut;

### **Keluarga**

Keluarga perlu prihatin terhadap ahli keluarga yang OKU. Mereka ingin belajar, beribadah dan perlukan lebih perhatian bagi memenuhi keperluan hidup sebagaimana manusia biasa. Dicadangkan agar keluarga dapat menghantar golongan OKU ke tempat khusus OKU bagi menerima pelatihan dan kemahiran yang dapat membantu dirinya agar mandiri menguruskan keperluan diri.

### **Masjid**

OKU agak sukar beribadah ke masjid kerana tiada yang membawanya. Golongan OKU adalah golongan yang istimewa yang perlu diberikan keutamaan dalam setiap perkara kecuali perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan. Dengan melibatkan golongan OKU dalam aktiviti masjid maka akan mengeratkan hubungan jemaah dengan OKU sehingga menjadikan masjid bukan tempat eksklusif agamawan sahaja sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian ini. Dicadangkan pihak masjid

menyediakan kenderaan untuk menjemput golongan OKU agar memudahkan mereka datang ke masjid terutama ketika mengadakan majlis-majlis ilmu.

Responden yang mempunyai jumlah cadangan majoriti dalam kajian ini mencadangkan agar masjid menyediakan skrin TV untuk sari kata, menyediakan juru bahasa isyarat tangan untuk khutbah Jumaat di mana-mana masjid seluruh Lembah Klang. Selain itu, setiap masjid perlu menyediakan seorang pakar bahasa isyarat dari kalangan lelaki untuk memberikan terjemahan kepada OKU yang kurang pendengaran dan bisu.

Dapatkan ini juga mencadangkan kepada masjid agar masjid dapat memperbanyakkan lagi aktiviti untuk OKU seperti menganjurkan program bagi menambah ilmu pengetahuan kepada OKU khususnya kelas fardhu ain kerana mereka ingin belajar ilmu agama. Seorang responden mencadangkan agar adakan silibus dalam masjid khusus OKU. Seterusnya, terdapat juga responden yang mencadangkan agar menyediakan tempat wuduk yang khas untuk OKU fizikal bagi memudahkan golongan ini beribadah.

Mengadakan kempen kesedaran untuk memastikan kebajikan OKU terjaga dari semasa ke semasa. Masjid mempunyai peranan yang besar dalam menyedarkan masyarakat supaya tidak meminggirkan golongan OKU. Perlu didedahkan kepada masyarakat untuk memberi perhatian kepada OKU melalui ceramah atau forum dan melalui khutbah jumaat itu sendiri. Ditambah lagi peruntukan budget kepada keperluan ini diharapkan dapat selalu menjaga ukhuwah antara masyarakat dengan OKU dan menyayangi mereka dengan memberikan layanan yang baik bagi memudahkan golongan OKU beribadah di masjid.

Keprihatinan masyarakat terhadap golongan OKU ini dapat membentuk sikap positif dalam diri OKU untuk melibatkan diri dalam komuniti masyarakat. Masyarakat perlu peka kepada OKU untuk mengajak OKU bersolat di masjid. Peranan masjid dalam menarik minat semua golongan masyarakat untuk beribadah di masjid adalah hal yang diutamakan semasa awal perjuangan dakwah Rasulullah SAW lagi. Keadaan ini telah membawa Islam gemilang di mata dunia kerana Islam mengamalkan konsep setiap manusia adalah sama, yang membezakannya ialah hanya iman dan ketakwaan kepada Allah SWT.

### **Mengedarkan Flyers, Pamplet dan Khutbah Jumaat**

Pihak masjid perlu memberikan kesedaran kepada jemaah dan qariah masjid untuk sama-sama menyantuni golongan OKU melalui dakwah dengan mengedarkan flyers dan pamphlet atau melalui khutbah Jumaat. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan

panduan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat berkaitan layanan dan keperluan yang harus diberikan kepada golongan ini. Seterusnya, penerangan yang jelas berkaitan layanan atau mengatasi masalah OKU semasa beribadah di masjid perlulah diberikan mengikut keadaan kecacatan yang dialami oleh golongan OKU. Perkara ini penting bagi memudahkan mereka mendapatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman kepada ilmu yang disampaikan terutamanya jemaah OKU solat jumaat.

### **Penambahbaikan Prasarana**

Aspek prasarana juga perlu diberi penekanan dengan menyediakan serta meningkatkan kemudahan kepada golongan OKU di masjid. Seterusnya meningkatkan kemudahan yang sedia ada kepada mereka dengan menyediakan skrin TV untuk sari kata, memperbaiki penghawa dingin, menyediakan juru bahasa isyarat untuk khutbah jumaat di setiap masjid.

Terdapat banyak kemudahan yang telah disediakan oleh masjid kepada tetamu Allah SWT termasuk golongan OKU. Contohnya, menyediakan tandas khas, tempat letak kenderaan khas, tempat wuduk khas, ruang solat khas, namun kebanyakan kemudahan untuk OKU di masjid tertumpu kepada kecacatan fizikal seperti kaki dan tangan sahaja, jarang didapati kemudahan untuk OKU penglihatan dan pendengaran seperti al-Quran *Braille*, kemudahan komunikasi bahasa isyarat tangan dan ujian tahap pendengaran.

Selain itu, AJK masjid wajib belajar bahasa isyarat atau melantik seorang OKU sebagai AJK masjid agar mengetahui keperluan dan bentuk layanan yang diberikan sesuai dengan keselesaan mereka. Contohnya bagi OKU fizikal, terdapat masalah di masjid kerana masih banyak masjid yang bertangga dan sukar bagi pergerakan OKU. Laluan khas berbumbung menghubungkan tempat parking ke laman utama masjid atau surau perlu disediakan untuk kemudahan OKU yang menggunakan *wheelchair*. Meningkatkan kemudahan untuk OKU seperti laluan naik ke masjid. Menyediakan kerusi roda di masjid serta menyediakan kerusi yang lebih daripada satu untuk kemudahan solat OKU semasa solat jumaat. Diharapkan para jemaah perlu bersifat toleransi, mesra dan berhemah dengan golongan OKU, peka kepada kehadiran OKU di masjid.

### **KESIMPULAN**

Keseluruhan hasil kajian menunjukkan interpretasi min keprihatinan masyarakat terhadap golongan OKU di institusi masjid adalah pada kadar sederhana tinggi (ST) iaitu pada tahap 3.39 pada bahagian B iaitu mengenai persepsi masyarakat dan golongan OKU terhadap kemudahan yang disediakan untuk OKU di institusi masjid

dan 3.27 pada bahagian C iaitu layanan yang diterima oleh OKU di masjid. Ini menunjukkan masyarakat awam dan jawatankuasa masjid cakna dengan kehadiran OKU dan menyantuni mereka. Namun kesedaran ini sentiasa perlu dipupuk dan dipertingkatkan lagi seperti kemudahan untuk OKU demi kemudahan mereka dan keharmonian sesama masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Ab. Azizi Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fausi Hamat, Nor Raudah Hj Siren dan Juwairiah Hassan. 2009. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Karim Zaidan (t.t), op. cit., h. 531
- Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borhan. 2015. Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-Masjid: Kajian Kes di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang. *Al-Hikmah* 7(1) 2015: 6 2-78
- Ajzen, I. 1985. From intentions to actions: A theory of planned behavior. Dlm J. Kuhl & J. Beckman (pnyt.), Action-control: From cognition to behavior. hlm. 1139. Heidelberg: Springer.
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Al-Qaradawi. 1996. *Memahami Keutamaan Berasaskan Al- Quran dan al-Sunnah*, (terj.) Bahruddin Fannani, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, h.122
- Al-Zuhāyli, Wahbah. 2004. *Usul al-Fiqh al-Islāmi*, j. 1, c. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 158.
- Antonak, R.F., Livneh, H. 2000. *Measurement of attitudes towards persons with disabilities*. Disability and Rehabilitation 22: 211-224.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2006. Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis Dan Interpretasi Data. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Abdul Rahman. 2007. Fungsi dan jenis komunikasi. Dlm. Sulaiman Md. Yassin (pnyt.). Komunikasi dalam Pengajaran, hlm. 7-10. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd
- Chua, L. C. 2006. Sample size estimation Using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A Comparison. Jurnal Penyelidikan IPBL 7: 78-86.
- Chubon, R. A. 1992. Attitudes toward disability: Addressing fundamentals of attitude theory and research in rehabilitation education. Rehabilitation Education. 6: 301-312.
- Cooper, R. & Schindler, S. 2001. Business Research Methods. *International Education*. Boston: Mc Graw Hill.
- Creswel, J.W. 2008. Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach. Edisi ke-3. New Jersey: Person Education Ins.

- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Drummond, R.J dan Ryn, C.W. 1995. *Career Counseling a Development Approach*. Ohio: Prentice Hall
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. 2010. Isu dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education*; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Hadis Riwayat Ahmad dan Bukhari dalam Al-Ādāb al-Mufrad dan al-Tabarani daripada Ibn Abbas, lihat al-Jami' al-Saghir , h. 160
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim (2010ms 45
- Hall, G. E., & Hord, S. M. 2011. *Implementing Change: Patterns, Principles And Patholes*. Ulang Cetak. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education.
- Hall, G. E., George, A A., & Rutherford, W. L. 1986. *Measuring Stages of Concern About The Innovation: A Manual for The Use of The SoC Questionnaire*. Austin: Research and Development Center for Teacher Education, The University of Texas.
- Hasnah Mahasan 1997. Sambutan Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya: Satu Persepsi Mereka Sendiri di Pusat Pemulihan Samarahan. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Sosial. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan Halangan Yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1(2): 18-29.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Nur Hazwani Hamzah. 2010. Pengetahuan Dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya Di Sebuah Ipta Di Malaysia. *AJTLHE* Vol. 2, No.2: 21-32
- Hazlin Falina Rosli, Safura Ahmad Sabri, Norazla Abdul Wahab, & Nurzakira Afnee Zakaria. 2015. Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (Oku) Di Malaysia: Melalui Perspektif Media. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015* (2nd ICoMM).
- Hewett , F.M. & Forness, S.R. 1974. *Education of Exceptional Learners*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Ibn Hajar al- „Asqalani (t.t), Fath al-Bārī, j.1, al-Qahirah: Matba“at al-Salāfiyah wa-Maktabatuhā, h.163
- Ikmal Hisham Md. Tah. 2014. Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak untuk Hidup: Satu Analisis Perundungan di Malaysia. *International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS)*: 1-9
- Juwairiah Hassan. (t.th). Pelaksanaan Dakwah Kepada orang Pekak di Terengganu.

- K.A. Razhiyah. 2006. *Anak Istimewa: Panduan bagi Ibu Bapa Membesarkan Anak Istimewa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- K.A Razhiyah. 2006. *Mengapa Kanak-Kanak Sukar Belajar?* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan. 2005. *Edisi ke-4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, I., Hass, R.G. & Bailey, J. 1988. Attitudinal ambivalence and behavior towards people with disabilities. Dlm. H.E. Yuker, (pnyt.). *Attitudes Toward Persons with Disabilities*, hlm. 47-57. New Year: Springer Publishing Company.
- Malaysia. 2008. Akta Orang Kurang Upaya. (Akta 685)
- Krejcie & Morgan. 1970. Determining sampel size for research activities. *Educational and psychological measurement* 30: 607-610.
- Lonsdale 1986 dalam Hasnah Mahasan 1997
- Mark, F. 2007. *Easy Statistics in Psychology*. Australia: BPS Blackwell.
- McCarthy, M., & Campbell, N. J. 1993. Serving disabled students: Faculty needs and attitudes. *NASPA Journal*, 30(2): 120-125.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative research and Case Study Applications in Education*. Jossey Bass Publisher: San Francisco.
- Merriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohamad Daniel Mohd. Pengurus, Bengkel Lembah Kinta, Ipoh. Temubual pada 10 September 2007. Observasi penulis menunjukkan hanya terdapat lebih kurang 20 orang jurubahasa rasmi orang pekak dan jarang sekali golongan agama mempunyai kemahiran berbahasa isyarat.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yassin Abd. Kadir. 2005. Peluang Kenaikan Pangkat untuk Orang Kurang Upaya, NCBM Outreach, Issue No 39, April-June 2005.
- Muhammad al-Khudhari (2001), *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 88.
- Mustafa Haji Daud. 1997. *Al-Quran Sumber Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Luqman Hakim Rosli. 2015. Kebolehcapaian Perkhidmatan Awam Kepada OKU Kes KTM.  
<https://www.researchgate.net/publication/282074089>
- Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias. (2004). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas. *Wacana Pendidikan Islam* (siri 3) (pp. 395-406). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Salleh Aman. T. th. Pembangunan kemudahan fizikal Pelajar OKU (Orang Kepelbagaian Upaya) di Kolej Kediaman Za'ba, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad al-Khudhari. 2001. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 88.
- Noraini Mohd Salleh, Khalid Abdullah & Nor Aishah Buang. 2001. Job Opportunities for Special Needs Population in Malaysia. *Jurnal Pendidikan*. 27. 77-85.

- Nor Elyana Mamat. 2006. "Seminar Kedua Isu dan Keperluan Warga Pekak Islam: Kupas Permasalahan Warga Pekak Islam", MyDEAF, Edisi Khas, h. 9. Seminar ini berlangsung pada 20 Januari 2006 di Muzium Kesenian Islam dengan jumlah hadirin lebih 200 orang. *Seminar ini dianjurkan atas kesedaran untuk mentarbiahkan penghayatan Islam kepada orang pekak dengan lebih efektif.* Ia turut dirancang dianjurkan sebagai seminar tahunan khusus untuk meneliti keperluan warga pekak di Malaysia pada Islam.
- Nurizzah Mohamed Yusoff & Nor Wahiza Abd. Wahat. 2013. Sumbangan Keadilan Organisasi dan Pesepsi Keterbatasan Dalam Keboleh Upayaan Bekerja Bagi Orang Kelainan Upaya (Oku) di Malaysia. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan* (GREDUC 2013).
- Roselita Ali @ Yusof. 2017. Keprihatinan dan Penggunaan Inovasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia Oleh Guru Prasekolah. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pallant, J. 2011. *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS. Fourth Edition*. Australia: Allen & Unwin.
- Rahimah Mohd Noh (2010) dalam Hazlin Falina et al (2015)
- Rahimi Affandi Abdul Rahim, Paiziah Ismail & Idris Awang. 2006. Pendekatan Baru Maqasid al-Shariah dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 35-80.
- Robso, Collin. 1998. *Real World Research*. UK: Blackwell Publisher Itd.
- Rohany Nasir. 2003. *Isu-isu kaunseling dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Rohani, I. 2010. Mengiktiraf Peranan OKU. Utusan Malaysia. Dicapai pada 20 Disember 2014 daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1211&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1211&sec=Rencana&pg=re_02.htm).
- Roselita Ali @ Yusof. 2017. Keprihatinan dan Penggunaan Inovasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran Bahasa Malaysia oleh Guru Prasekolah. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Shalini a/p Sanmargaraja dan Seow Ta Wee. T.th. Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (Oku) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru. Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan Jabatan Binaan dan Harta Tanah. Batu Pahat Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Sheila Devaraj & Samsilah Roslan. 2006. *Apa Itu Disleksia? Panduan untuk Ibu Bapa, Guru dan Kaunselor*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Smart, J. 2002. *Disability, Society and The Individual*. U.S.A.: Pro-Ed
- Stangor Charles. 1998. *Research Methods for the Behavioral Sciences*. Michigan: Houghton Mifflin.

Syams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbaas Ahmad bin Hamzah Ibn Syihab al-Dīn al-Ramli (1967), Nihaayah al-Muhtāj Ila Syarh al-Minhāaj, j. 1. Mesir: Mustafa al-Bābi al-Halabi, h. 388. Lihat juga „Abd alHamid al-Syirwāni (t.t.), Hawāsyi Tuhfat al-Muhtāj Bi Syarh al-Minhāj, j. 1. Mesir: Mustafa al-Bābi alHalābi, h. 445

SUHAKAM. 21 Februari 2018. <http://www.suhakam.org.my/ms/areas-of-work/pendidikan/orang-kurang-upaya-oku/>

Temubual Sariah Ibrahim, loc.cit.

Teng Shin Min. 1986. “Beberapa Aspek Akademik Dan Psiko-Sosial Murid Cacat Pendengaran Di Sekolah Percantuman Di Negeri Johor” (Disertasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 5-6.

Wood, J.W. (2002). *Adapting Instructions to Accommodate Students in Inclusive Setting*. USA: Merrill Prentice Hall.

Woll, Bencie et al. 2001. Ceil Lucas (ed), *The Sociolinguistics of Sign Languages*, Cambridge: Cambridge University Press, h.8-9.

Yusof bin Awang, Penasihat POPT. Temubual pada 7 November 2008.